



MPI Generali Insurans Berhad (14730-X)

POLISI KENDERAAN PERDAGANGAN **Pihak Ketiga Sahaja** Tariff

HEAD OFFICE 8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square, 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.
P +603 2034 9888, F +603 2694 5758, +603 2694 5759 Postal Address: P.O. Box 10122, 50704 Kuala Lumpur. mpigenerali.com

WEST MALAYSIA BRANCH OFFICES

ALOR SETAR 2nd Floor Unit 5A, No. 55, Bangunan Emum 55, Jalan Gangsa, Kawasan Perusahaan Mergong 2, 05150 Alor Setar, Kedah.
P +604 735 7007 F +604 735 7000

IPOH 63 & 65, Jalan Chung Thye Phin, 30250 Ipoh, P.O. Box 107, 30710 Ipoh, Perak. P +605 241 0396, +605 241 0988 F +605 241 6307

JOHOR BAHRU Unit 1903 & 1904, Level 19, City Plaza, Jalan Tebrau, 80300 Johor Bahru, Johor. P +607 268 7600, F +607 268 7666, +607 268 7668

KANGAR 2nd Floor, No. 366 Taman Mutiara, Jalan Kangar – Alor Setar, 01000 Kangar, Perlis. P +604 979 3188, +604 979 3288 F +604 979 3588

KLANG No. 11B, 2nd Floor, Jalan Kepayang, Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor. P +603 3343 6898 F +603 3348 8828

KOTA BAHRU Lot 385, T/Blk 13, Jalan Jambatan Sultan Yahya Petra, Kg. Sireh, 15050 Kota Bharu, Kelantan. P +609 748 7697, +609 748 7779 F +609 748 1597

KUANTAN No. 3 & 5, Tingkat 2, Transit Point, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25000 Kuantan, Pahang. P +609 513 5288 F +609 513 3993

MELAKA No. 308, Jalan Melaka Raya 1, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. P +606 288 3818 F +606 283 2818

PENANG No. 41-01-01, 1st Floor, Wisma Prudential, Jalan Cantonment, 10250 Penang. P +604 228 9388 F +604 228 9088

SEREMBAN No. 69-1, 1st Floor, Jalan Era Square 2, Era Square, 70200 Seremban, Negeri Sembilan. P +606 761 8818, +606 761 7818
F +606 763 0818

EAST MALAYSIA BRANCH OFFICES

KOTA KINABALU Block B, Lot 1, 1st Floor, Jalan Lintas Highway, Lintas Jaya New Uptownship, 89500 Penampang, Sabah. P +6088 719 720, +6088 726 022,
+6088 727 209, F +6088 711 821

KUCHING Lot 584-586, 1st Floor, Jalan Tun Ahmad Zaidi Aduce, 93150 Kuching Sarawak. P +6082 248 833, +6082 248 933 F +6082 428 633

SANDAKAN Lot 9, Block B, Utama Place, Mile 6, North Road, 90000 Sandakan, Sabah. P +6089 212 233 F +6089 222 173

SIBU No. 38, 1st Floor, Jalan Keranji, 96000 Sibu, Sarawak. P +6084 316 633 F +6084 318 933

For more information, log on to mpigenerali.com or call +603 2034 9888

NOTA PERIBADI DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Terima Kasih kerana memilih MPI Generali Insurans Berhad sebagai Syarikat Insurans pilihan anda.

Kami sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan dan produk kami. Dengan ini, supaya kami memahami dengan lebih mendalam keperluan dan jangkaan anda dan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik, kami mengalu-alukan maklum balas anda yang berharga supaya kami dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan jangkaan anda.

Sila kemukakan cadangan / aduan anda terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif di Ibu Pejabat kami di Tingkat 8, Menara Multi-Purpose, Capital Square 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Sekiranya aduan anda masih tidak diselesaikan, dan sekiranya aduan tersebut melibatkan perkhidmatan kewangan atau produk yang tidak melebihi RM250,000 atau mengenai tuntutan insurans bagi kerosakan harta benda pihak ketiga bagi motor yang tidak melebihi RM10,000, anda boleh ketengahhkan aduan tersebut kepada:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Tel: +603 2272 2811
Fax: +603 2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman Sesawang: www.ofs.org.my

Walaupun yang tertera di atas, untuk pertanyaan atau aduan jika aduan itu tidak diselesaikan, anda juga boleh merujuk perkara itu kepada:

BNMTELELINK
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Fax: +603 2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman Sesawang: www.insuranceinfo.com.my

Ketua Pegawai Eksekutif

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

MPI Generali Insurans Berhad bertekad dan telah menyediakan suatu Polisi Privasi untuk melindungi keselamatan dan kesulitan maklumat peribadi anda. Dengan menggunakan perkhidmatan kami dan melayari laman web ini, anda mengiktiraf dan bersetuju dengan syarat-syarat dalam Polisi Privasi kami yang boleh didapati di www.mpigenerali.com

Fasal GST

Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsurankan bersetuju untuk membayar dan MPI Generali Insurans Berhad tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa cukai atau caj kerajaan yang lain (bagaimanapun denominasi) yang dikenakan oleh kerajaan dengan pelaksanaan atau penyerahan Polisi.

POLISI KENDERAAN PERDAGANGAN – Pihak Ketiga Sahaja ^{Tariff}**JENIS PERLINDUNGAN****MANA-MANA YANG BERIKUT BOLEH DITERIMA PAKAI:-**

KOMPREHENSIF - Seksyen A & B dalam polisi ini diterima pakai;
PIHAK KETIGA SAHAJA - Hanya Seksyen B diterima pakai.

SEMUA PENGENDORSAN, FASAL ATAU WARANTI YANG DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN PADA POLISI INI JUGA DITERIMA PAKAI.

PERJANJIAN KITA**Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)**

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

SEKSYEN A - KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

Seksyen ini tidak berkaitan dengan polisi Pihak Ketiga Sahaja.

SEKSYEN B: LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

- Kami akan membayar amaun yang Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:-**
 - kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
 - kerosakan kepada harta akiba kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda dengan syarat pemandu yang Anda bagi kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas Anda.
- Had Liabiliti Kami**

Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah) **berhubung dengan**
Seksyen B(1)(a) adalah tidak terhad.) **mana-mana tuntutan**
) **atau satu siri tuntutan**
Jumlah keseluruhan liabiliti Kami di bawah) **yang timbul**
Seksyen B(1)(b) adalah terhad kepada RM3 juta) **daripada satu**
) **peristiwa.**
- Menunda Kenderaan Yang Rosak**

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B(1)(a) dan Seksyen B(1)(b) jika Kenderaan Anda digunakan untuk menunda mana-mana Kenderaan Bermotor yang rosak.

Dengan syarat:-

 - kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran
 - Kami tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang di tunda atau harta yang dibawanya.
- Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang**

Berikutan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang dilindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.
- Kos Undang-undang**

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Kami telah diperolehi terlebih dahulu.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN B

Kami **TIDAK** akan membayar bagi:-

- (a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemungghaan ke atas dan daripada Kenderaan Anda.
- (b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa.
- (c) Kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Anda (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam keluarga anda atau di atas Kenderaan Anda dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan majikannya).
- (d) Kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau mana-mana ahli dan/atau mana-mana ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa.
- (e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat gerarana tau berat Kenderaan Anda tau muatan yang di bawa oleh Kenderaan Anda.
- (f) kerosakan harta yang di sebabkan oleh atau berpunca daripada letupan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- (h) Apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.
- (i) Semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia, Republik Singapura, atau Negara Brunei Darussalam.

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi Anda dan dengan syarat Kenderaan Anda diinsuranskan dengan Kami untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini. Anda layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Polisi Anda seperti berikut:-

POLISI PLAT PERDAGANGAN (RISIKO JALANRAYA)

Tempoh Insurans	Diskaun	Tempoh Insurans	Diskaun
Selepas tahun pertama insurans	15%	Selepas tahun pertama insurans	25%
Selepas tahun kedua insurans	20%	Selepas tahun kedua insurans	30%
Selepas tiga tahun atau lebih insurans	25%	Selepas tiga tahun atau lebih insurans	38.33%

Jika Kami bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama Anda tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu.

Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak Anda atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi idemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Kami tidak ada liabiliti untuk membayar. Anda hendaklah membayar balik Kami wang yang telah Kami bayar itu.

PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kami **TIDAK** akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:-

1. Jika Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan Anda di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa memandu Kenderaan Anda di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Anda.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Anda yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukan di bawah Had Penggunaan oleh Anda atau oleh orang lain dengan persetujuan Anda.
(b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Anda, berhubung dengan idemniti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.

5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan Anda digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Anda ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Anda dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Anda akan dikecualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau bertanggung di luar Malaysia. Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Kami tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan
 (b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Polisi dibawah tajuk 'Perundangan' semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatal supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

SYARAT - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Komersial

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima atau menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. KEMALANGAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) Kami mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini.
 - i. dalam tempoh tujuh (7) hari jika Anda dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - ii. dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika Anda dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - iii. Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Anda.
- (b) Sekiranya kenderaan Anda dilanggar oleh kenderaan Pihak ketiga, Anda boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Kami. Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak akan terjejas sekiranya Kami memutuskan Anda tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara Kami sepenuhnya.
- (c) Semua kemalangan mestilah dilaporkan kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, samun dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Kami serta-merta. Anda juga mesti tanpa berlengah memberitahu Kami sekiranya Anda tahu apa-apa pendakwaan, inkuies atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis and bekerjasama dengan Kami dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan, atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (f) Kami mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.

- (g) Pembaikan Kenderaan Anda tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan Anda mesti di bawa ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan Anda ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan Kami berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.
- (i) Sekiranya kenderaan anda hilang dan dijumpai semula sebelum tuntutan anda diselesaikan, sila hubungi kami dengan segera. Panel Pelaras Kerugian yang dilantik oleh kami akan memeriksa kenderaan anda di balai polis, sebelum kenderaan tersebut ditunda keluar ke Panel Bengkel yang dilantik (Theft Recovered Panel Workshop) yang dipilih oleh anda dari senarai kami. Kegagalan mematuhi prosedur ini adalah melanggar syarat di atas dan kami berhak untuk menolak liabiliti dibawah Seksyen A polisi ini. (Untuk senarai Panel Bengkel, sila rujuk kepada Pegawai Bahagian Tuntutan – Kenderaan kami atau di laman sesawang mpigenerali.com /prosedur/Tuntutan Kecurian Motor yang Dijumpai Semula untuk Senarai terbaru Panel Bengkel Kecurian yang dibenarkan untuk mengendalikan Motor yang Dijumpai Semula)
- (j) Dalam mana-mana peristiwa yang membawahkan kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Polisi ini. Kami boleh membayar Anda amaun sepenuh liabiliti Kami mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Anda alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Kami lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Kami telah melepaskan pengendalian berkenaan, begitu juga Kami tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Anda tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Kami melepaskan pengendalian berkenaan.

3. PEMBATALAN

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis.
- (b) Kami juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Anda yang terakhir.
- (c) Anda hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan di bawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan siji insurans asal kepada Kami atau, menyediakan untuk Kami satu akuan berkanun jika siji berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Anda (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Inurans berkenaan), Anda adalah layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar jangka pendek biasa Kami dikira dari tarikh penerimaan siji asal atau akuan berkanun sekiranya siji berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda seperti yang berikut:-

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada premium tahunan
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada premium tahunan
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Kami, Anda layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan siji asal atau akuan berkanun sekiranya aiji berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. INSURANS LAIN

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama. Kami akan hanya membayar mengikut perkadaran setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiadaapa-apadalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. SUBROGASI

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemniti atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

6. FASAL TIMBANG TARA

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

7. HAL LAIN

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya:

- Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- Anda mesti membenarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

- Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
- Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan/atau Pihak Diinsuranskan.
- Kenderaan Anda merujuk kepada Kenderaan and aksesori termasuk yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
- Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor termasuk penyaman udara dan tayar ganti dan boleh termasuk radio/pemain kaset cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam Jadual.
- Bengkel merujuk kepada bengkel membaiki kenderaan bermotor di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
- Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
- Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti yang berikut:

Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:-

- dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta, atau
- dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang,

adalah dikatakan "menipu".

- Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah"
- Takrif perbuatan ganas
Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan seperti yang termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

Kawasan Geografi: Malaysia, Republik Singapore dan Negara Brunei Darussalam.

Perundangan: Akta Pengangkutan Jalan, 1987 (Malaysia) Motor Vehicles (Third-Party Risks and Compensation) Act (Cap 189) Republic of Singapore The Motor Vehicles (Third-Party Risks and Compensation) Rules 1960 (Republic of Singapore) Motor Vehicles Insurance (Third-Party Risks) Act (Cap 90) Negara Brunei Darussalam (rujukan kepada perundangan di bawah tajuk "Pengelakan Sesetengah Terma Dan Hak Tuntut Balik" adalah terhad kepada Seksyen 94, 95 dan 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Malaysia) Section 7, 8, and 9 of the Motor Vehicles (Third Party Risks and Compensation) Act (Cap 189) Republic of Singapore dan Section 7 of the Motor Vehicles Insurance (Third Party Risks) Act (Cap 90) Negara Brunei Darussalam.

Penanggung yang diberi kuasa: Sepertimana di nyatakan dalam Sijil insurans. **Had Penggunaan:** Sepertimana di nyatakan dalam Sijil Insurans.

PENGENDORSAN-PENGENDORSAN - KENDERAAN PERSENDIRIAN

7B. PIHAK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam Polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja yakni
Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA)
Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) dibatalkan
Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

15(a). PINJAMAN MAJIKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Syarikat / Firma yang di nyatakan dalam Jadual (Schedule) ini, mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Anda melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada Syarikat / Firma yang di nyatakan dalam Jadual (Schedule) sehingga notis diberikan kepada Kami bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Anda, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian. Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjejaskan hak dan liabiliti Kami/Anda di bawah Polisi ini. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

19. RISIKO PENUMPANG (Tidak boleh diguna pakai untuk polisi "Akta")

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (C) Seksyen B Polisi ini dibatalkan. *Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada, bilangan orang yang di nyatakan dalam Jadual (Schedule) (selain daripada atendan/konduktor jika ada dan pemandu) Anda hendaklah membayar semula Kami perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh Kami. Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasan hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

38. KREN BEERGERAK

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan Kenderaan yang diinsuranskan, Kami tidak akan bertanggungjawab: (a) Di bawah Seksyen A polisi ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh berbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letupan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian. (b) Di bawah Seksyen B polisi ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas Anda yang timbul dari operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari kenderaan atau yang dipasang dengannya. Nota: (i) Perenggan (a) tidak digunakan untuk Polisi Pihak Ketiga. (ii) Perenggan (a) tidak akan di gunakan jika premium tambahan di buat untuk memasukkan kerosakan yang disebabkan terbalik. (iii) Di mana tambahan premium telah pun dibayar untuk kemasukan Risiko Pihak Ketiga semasa ia digunakan sebagai alatan perniagaan, gugurkan perenggan (b) untuk Polisi Kemprehensif dan untuk Polisi Pihak Ketiga gugurkan Pengendorsan keseluruhannya.

39. PENGECUALIAN RISIKO KERJA PIHAK KETIGA

Kami bersetuju bahawa Seksyen B Polisi, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh Anda yang timbul daripada penggunaan alatan Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan.

40. PENGECUALIAN KEROSAKAN SEMASA DIGUNAKAN UNTUK MENGENDALI SESUATU PEKERJAAN

Kami bersetuju bahawa Seksyen A Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan kepada Kenderaan Bermotor yang timbul daripada penggunaan alatan Kenderaan Bermotor atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya.

54. TRELER YANG TIDAK DINYATAKAN (SEMASA DIPASANG PADA KENDERAAN) - POLISI KENDERAAN PERDAGANGAN SAHAJA

(Bayaran premium berdasarkan kepada kenderaan penggerak utama yang di tentukan)

Kami akan melindungi treler Anda semasa dipasang pada Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Lampiran tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi. Dengan syarat bahawa:-

- (a) Seksyen A Polisi ini hendaklah tidak diguna pakaiterhdap sebarang kendeeraan yang digerakkan secara mekanikal yang rosak.
- (b) Liabiliti kami di bawah Seksyen A Polisi ini bagi kerugian atau kerosakan kepada treler tersebut hendaklah tidak melebihi jumlah yang di nyatakan dalam jadual (Schedule).
- (c) Bagi tujuan Pengecualian (c) dan (d) kepada Seksyen B Polisi ini, kenderaan bermotor dan treler yang dipasang hendaklah dianggap sebagai sebuah Kenderaan Bermotor.

WARANTI

W1. Waranti No.1 - Waranti Ke atas Lebihan Muatan Kenderaan (Diterima pakai ke atas semua kenderaan perdagangan termasuk bas dan van persendirian)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggung jawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan dibawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan si dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang). Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini. Note:- Untuk tujuan pengiraan bilangan orang di mana kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak dibawa, pelarasan yang sewajarnya hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarian di antara sebarang kandungan dokumen ini dengan kandungan dokumen yang sama dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris, kandungan dokumen yang telah dikeluarkan atau dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.

NOTIS PRIVASI

Kepada pelanggan-pelanggan,

Notis privasi untuk data peribadi ini ("**Notis Privasi**") diberikan kepada semua pelanggan MPI Generali Insurans Berhad (termasuk semua syarikat berkaitan dan/atau syarikat bersekutu) ("**Syarikat**", "**kita**" atau "**kami**"), selaras dengan obligasi statutori di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**").

Sepanjang masa urusan anda dengan kami, kami akan mengumpul dan memproses data peribadi anda untuk tujuan berkomunikasi dengan anda, memberi produk dan/atau perkhidmatan kepada anda, mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial anda dengan kami, memberi maklum balas terhadap pertanyaan atau aduan anda, memberi anda maklumat terkini mengenai produk, perkhidmatan dan/atau promosi yang ditawarkan oleh kami dan pihak ketiga yang terpilih, mengenal pasti anda (termasuk menyiarkan nama dan gambar anda) sekiranya anda menang dalam peraduan atau pertandingan dan/atau semasa anda menyertai acara/aktiviti yang dianjurkan oleh kami, serta tujuan-tujuan lain yang kami perlukan untuk mengendalikan dan mengekalkan perniagaan kami sepertimana yang tertera dalam Polisi Privasi kami (secara kolektifnya dirujuk sebagai "**Tujuan-Tujuan**").

Kami tidak akan mendedahkan apa-apa data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran anda kecuali kepada syarikat-syarikat di dalam kumpulan Syarikat (termasuk syarikat berkaitan dan/atau syarikat bersekutu kami), penasihat profesional, ejen, vendor, pembekal, kontraktor, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, syarikat insurans, bank dan/atau institusi kewangan, di dalam atau di luar Malaysia, jikalau perlu, bagi Tujuan-Tujuan yang disebut di atas, kepada mana-mana pihak yang berjanji untuk menyimpan data peribadi anda secara sulit, kepada mana-mana pihak sepertimana yang tertera dalam Polisi Privasi kami, atau sekiranya diperlukan di bawah undang-undang. Sesalinan Polisi Privasi kami boleh didapati di laman web kami di <http://www.mpigenerali.com>

Kami perlu mengumpul dan menyimpan data peribadi anda. Sekiranya anda tidak memberikan data peribadi anda kepada kami, atau tidak bersetuju dengan Notis Privasi ini, kami mungkin tidak dapat memberikan produk dan/atau perkhidmatan secara efektif kepada anda atau memproses data peribadi anda bagi Tujuan-Tujuan yang disebut di atas.

Kami akan memastikan data peribadi anda disimpan dengan selamat. Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, mendapat salinan, mengemaskini atau memperbetulkan data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Anda juga mempunyai hak untuk meminta kami menghentikan pemrosesan dan penggunaan data peribadi anda pada bila-bila masa (contohnya, meminta kami menghentikan penghantaran iklan atau promosi kepada anda untuk tujuan pemasaran). Walaubagaimana pun, kami mempunyai hak untuk bergantung kepada mana-mana pengecualian dalam mengumpul, mengguna dan mendedah data peribadi anda.

Permintaan atau pertanyaan bertulis anda perlu disampaikan ke alamat di bawah:

Pengurus, Jabatan Perkhidmatan Pelanggan

Alamat: **MPI Generali Insurans Berhad**
8th Floor, Menara Multi-Purpose, Capital Square
8 Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur

No Telefon: +603 2034 9888

Alamat E-mel: generalenquiries@mpigenerali.com

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju untuk kami memproses data peribadi anda sepertimana yang tertera dalam Notis Privasi ini, dan anda mengesahkan bahawa semua data peribadi yang diberikan oleh anda adalah betul dan lengkap, dan tiada data peribadi yang mengelirukan atau yang belum dikemaskinikan. Anda mesti, dengan segera, mengemaskini data peribadi anda sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada data peribadi yang anda beri kepada kami.

Setakat mana yang anda telah memberikan (atau akan memberikan) data peribadi tentang ahli keluarga, pasangan, tanggungan anda (jikalau anda ialah seorang individu), pengarah, pemegang saham, wakil, ejen (jikalau anda ialah sebuah entiti korporat/organisasi) dan/atau individu lain, anda mengesahkan bahawa anda telah menjelaskan (atau akan menjelaskan) kepada mereka bahawa data peribadi mereka akan didedahkan kepada, dan akan diproses oleh, kami dan anda menyata dan menjamin bahawa anda telah diberi kuasa untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperolehi persetujuan daripada mereka berkenaan dengan pemrosesan (termasuk pendedahan dan pemindahan) data peribadi mereka sepertimana yang tertera dalam Notis Privasi ini.

Berkenaan dengan individu yang belum mencapai usia dewasa (iaitu individu di bawah umur 18 tahun) atau individu yang tidak mempunyai kompeten untuk memberi persetujuan, anda mengesahkan bahawa anda ialah ibu bapa atau penjaga atau orang yang mempunyai kewajipan terhadap mereka atau orang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan urusan mereka atau mereka telah melantik anda untuk mewakili mereka, untuk memberi persetujuan bagi pihak mereka berkenaan dengan pemrosesan (termasuk pendedahan dan pemindahan) data peribadi mereka sepertimana yang tertera dalam Notis Privasi ini.

Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan atau pemindahan kepada Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami akan dimaklumkan melalui pengumuman di laman web kami atau melalui cara yang bersesuaian. Jika kami meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami, pindaan itu hanya akan berkuat-kuasa untuk data peribadi yang dikumpul selepas kami memaparkan Notis Privasi atau Polisi Privasi kami yang terpinda.

Mengikut Seksyen 7(3) PDPA, Notis Privasi ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.